

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
ATIQULLAH
KAWASAN : KUBANG KERIAN**

SOALAN:

YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah kesesakan teruk, khususnya jalan menuju ke negeri Pantai Timur apabila setiap kali tiba musim perayaan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik ke Pantai Timur, terutama semasa musim perayaan utama dan cuti persekolahan. Ini berikutan peningkatan bilangan kenderaan yang berlipat kali ganda berbanding kebiasaan semasa tempoh tersebut.

Sehubungan itu kementerian ini dengan kerjasama pihak konsesi lebuhraya yang terlibat dengan laluan ke Pantai Timur (ANIH Berhad / LPT2 Sdn. Bhd. / PLUS) telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan masalah kesesakan yang berlaku pada musim tersebut iaitu seperti berikut:

- Menggalakkan pengguna untuk membuat perancangan perjalanan melalui nasihat waktu perjalanan ('Travel Time Advisory' – TTA) bagi mengelakkan tumpuan masa perjalanan secara serentak;
- Mengadakan kolaborasi dengan pihak Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) dari aspek penguatkuasaan dan juga kelancaran trafik, seperti penggunaan lorong kecemasan pada hari kemuncak tertentu;
- Menambah bilangan petugas syarikat konsesi di plaza tol, kawasan R&R dan Hentian Sebelah; di samping mendapatkan bantuan anggota RELA untuk mengawal trafik di kawasan R&R dan hentian sebelah;
- Meningkatkan bilangan kekuatan pasukan rondaan dan kren kembalik untuk bantuan kecemasan;
- Menambah bilangan lorong transaksi tol, termasuk mengaktifkan kutipan tol secara berlapis (MTL – 'multiple transactional lane') di plaza tol tertentu;
- Menggalakkan penggunaan kutipan tol elektronik (ETC) melalui pemberian diskaun atau rebat tol semasa musim perayaan tertentu; dan
- Membuat hebahan maklumat trafik, sama ada melalui media massa, media elektronik, papan tanda ITS dan media sosial seperti saluran 'twitter' bagi membolehkan pengguna mendapat maklumat trafik yang terkini.

Untuk jangka panjang pula, komitmen Kerajaan bagi mengurangkan kesesakan ke Pantai Timur ialah melalui pelaksanaan projek naik taraf projek Central Spine Road. Pada masa kini 41.35km atau 12% daripada jarak keseluruhan Central Spine Road (341.8km)

telah disiapkan dan dibuka kepada lalu lintas, iaitu melibatkan laluan dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Seberang Jelai di Pahang. Manakala pakej-pakej lain yang sedang dalam peringkat pembinaan ialah melibatkan laluan Pasir Hor – Kadok – Ketereh (Kelantan), Mentara – Kg Kubang Rusa; Kg Asap – Kg. Sertik; dan Jalan Pintasan Bentong (Pahang). Pakej-pakej ini dirancang akan siap secara berperingkat iaitu sehingga bulan September 2019. Manakala jajaran Jalan Central Spine di kawasan lain akan ditender secara berfasa tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.